

KECENDERUNGAN PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS DI POLITEKNIK DALAM MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN

Nor Ain Binti Abdul Rahman & Dr Lutfiah Natrah Binti Abbas@Ahmad
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Batu Pahat, Johor, Malaysia
ainrahman89@gmail.com

Abstrak

Keusahawanan merupakan bidang kerjaya yang sangat penting di Negara ini. Kerajaan bermatlamat menjadikan bidang keusahawanan terutamanya sektor industri kecil dan serdahana sebagai penyumbang utama peluang pekerjaan baru, dan seterusnya membantu perkembangan ekonomi Negara pada abad ke-21. Oleh itu, usaha membudayakan keusahawanan di kalangan rakyat di Negara ini juga dilakukan oleh Kementerian Pendidikan di peringkat sekolah, dan insituti pengajian tinggi. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan mengenalpasti tahap kecenderungan pelajar berkeperluan khas di Politeknik untuk menceburi bidang keusahawanan, serta faktor yang paling mempengaruhi tahap kecenderungan pelajar berkeperluan di Politeknik untuk menceburi bidang keusahawanan dan mengenalpasti perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor demografi. Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 90 yang terdiri daripada pelajar berkeperluan khas pendengaran dari tiga iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) dan Politeknik Kota Kinabalu. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 20.0*. Analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan skor min, sisihan piawai, frekuensi dan peratusan. Selain itu analisis inferensi menggunakan ujian T dan ujian ANOVA satu hala digunakan untuk mencari perbezaan tahap kecenderungan pelajar berdasarkan faktor demografi. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kecenderungan pelajar berkeperluan khas di Politeknik untuk menceburi bidang keusahawanan adalah tinggi, di mana skor min adalah 4.033. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor yang paling mempengaruhi tahap kecenderungan pelajar adalah faktor ciri-ciri keusahawanan yang ada dalam diri pelajar. Terdapat perbezaan yang signifikan perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor jantina dan kursus yang diikuti oleh pelajar berkeperluan khas di Politeknik.

Kata kunci : Keusahawanan, pelajar berkeperluan khas, kecenderungan keusahawanan

1. Pengenalan

Orang kurang upaya membawa maksud seseorang yang tidak berupaya menentukan diri sendiri bagi memperoleh sepenuhnya ataupun sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya di sebabkan sesuatu kekurangan sama ada daripada segi fizikal ataupun mental dan sama ada ia berlaku semenjak kelahiran ataupun kemudiannya (Pertubuhan Kesihatan Sedunia & Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu). Orang kurang upaya (OKU), juga dikenali sebagai people with disabilities atau orang berkeperluan khas yang dikatakan sebagai individu yang memiliki ketidakupayaan disebabkan oleh pelbagai faktor (Bari, 2000). Menurut Abdullah (2012), orang kurang upaya merujuk kepada orang yang mengalami keterbatasan mobilisasinya iaitu merujuk kepada jenis kecacatannya sama ada anggota fizikal, mental, penglihatan dan pendengaran.

Jabatan Kebajikan Masyarakat mendefinisikan orang kurang upaya adalah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang terhadap fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halang ia akan menyekat penyertaan penuh dan memberi kesan kepada masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2008). Istilah Orang Kurang Upaya (OKU) ini diguna pakai setelah kerajaan mengetahui golongan ini merupakan golongan yang kurang dari segi keupayaan berbanding dengan insan yang normal. Istilah OKU diguna pakai bagi mengelakkan sebutan orang cacat yang bermaksud melabelkan seseorang itu cacat daripada semua aspek tanpa dikategorikan (Hashim, 1991). Dengan adanya istilah ini, golongan orang kurang upaya (OKU) dapat merasakan mereka lebih disayangi dan sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan dan masyarakat. Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai hak dan peluang yang sama seperti masyarakat normal untuk menjalani kehidupan dan menyumbang kepada kemakmuran Negara seperti anggota masyarakat yang lain.

Manakala, orang kurang upaya pendengar adalah mereka yang mempunyai masalah pendengaran sebanyak 90 dB (Desibel) (Haniff, 2012). Golongan orang kurang upaya (OKU) secara umumnya merupakan mereka yang memerlukan perkhidmatan istimewa bagi membolehkan mereka hidup berdikari di dalam sesebuah komuniti. Menurut Saari, Haziah dan Mujibu (2008), menyatakan komuniti pekak iaitu golongan berkeperluan khas pendengaran didefinisikan sebagai kumpulan orang yang tinggal di sesuatu daerah atau Negara yang tidak dapat mendengar langsung atau tidak dapat mendengar dengan baik atau tuli. Istilah ‘pekak’ dan ‘bisu’ dalam masyarakat dengan penggunaan Bahasa Melayu, merujuk secara langsung kepada individu yang mempunyai masalah pertuturan (bisu) dan pendengaraan (Yusuff, 2008). “Demam Keusahawanan” bermula pada pertengahan tahun 1980an, perkembangan bidang keusahawanan telah bergerak dengan pantas, bukan sahaja tertumpu kepada sesebuah Negara tetapi telah berkembang ke seluruh pelusuk dunia serta telah mengubah pemikiran dan orientasi kehidupan masyarakat terhadap aktiviti perniagaan dan seterusnya telah meningkatkan tahap pembangunan sesebuah Negara (Alvarez, 1996 & Zafir, 2003). Keusahawanan mula mendapat tempat di Malaysia bermula setelah penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bermula pada tahun 1970 hasil cetusan idea Tun Abd. Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Melalui DEB, ramai bumiputera khususnya orang Melayu cuba menceburi bidang keusahawanan dan lahirlah golongan usahawan Melayu yang dikatakan hebat dan berjaya (Salleh et al., 2001).

Menurut Zaidatol, Rahim dan Majid (2002), keusahawanan merupakan bidang kerjaya yang sangat penting di Negara ini. Kerajaan bermatlamat menjadikan bidang keusahawanan terutamanya sektor industri kecil dan serdahana sebagai penyumbang utama peluang pekerjaan baru, dan seterusnya membantu perkembangan ekonomi Negara pada abad ke-21. Oleh itu, usaha membudayakan keusahawanan di kalangan rakyat di Negara ini juga dilakukan oleh Kementerian Pendidikan di peringkat sekolah, dimana budaya keusahawanan disemai seawal sekolah rendah melalui matapelajaran matematik. Pembudayaan keusahawanan terus diterapkan di sekolah menengah rendah melalui subjek Kemahiran Hidup Bersepadu bermula pada tahun 1991. Di peringkat Menengah Atas, pelajar di beri peluang memilih untuk mengikuti pendidikan perdagangan dan keusahawanan melalui mata pelajaran elektif vokasional dan teknologi.

Menurut Masitah Hayati dan Suhaida (2013), mereka menyatakan bahawa masih ramai orang kurang upaya masih tidak mempunyai pekerjaan walaupun mereka mendapat pendidikan sehingga umur 19 tahun. Hal ini kerana, golongan kurang upaya ini masih diperkatakan lagi tentang keupayaan mereka oleh masyarakat. Selain itu, golongan orang kurang upaya (OKU) beranggapan bahawa kecacatan yang dialami mereka merupakan halangan utama bagi mereka untuk bekerja (Bari, Amat, & Buang 2000). Di samping itu, peluang pendidikan dan latihan kepada golongan berkeperluan khas ini amat terhad dan program pendidikan yang sedia ada kurang menepati kehendak pasaran serta perkembangan ekonomi Negara (Noraini, Khalid, dan Nor Aishah, 2001). Selain itu, faktor globalisasi yang menyumbang kepada perubahan ekonomi, sosial dan teknologi, pekerjaan dan juga kemahiran yang diperlukan untuk sesuatu pekerjaan itu berubah dengan cepat dan menjadi lebih kompleks. Bagi golongan OKU perubahan yang berlaku meninggalkan impak yang amat besar terhadap mereka.

Pelajar berkeperluan khas adalah pelajar yang berbeza daripada pelajar biasa dalam aspek mental, keupayaan, komunikasi, tingkahlaku sosial atau pun fizikal. World Health Organization (WHO) mendefinisikan pelajar berkeperluan khas (Disable People) dalam tiga perkataan iaitu kecacatan (Impairment), ketidakbolehan (Disability) dan lumpuh (Handicap). Pelajar berkeperluan khas adalah mereka yang memerlukan keperluan khas jika mereka mempunyai masalah dalam aspek pembelajaran yang memerlukan peruntukan pendidikan khusus untuk mereka, jika mereka mempunyai masalah pembelajaran yang besar dan signifikan berbanding pelajar normal serta mempunyai kecacatan yang menghalang mereka menggunakan kemudahan pendidikan pelajar normal yang lain (Akta Pendidikan, 1996). Menurut Akta Orang Kurang Upaya (2008), orang kurang upaya adalah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang terhadap fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halang akan menyekat penyertaan penuh dan memberi kesan kepada masyarakat.

Menurut Anizam et al., (2012), pendidikan serta latihan vokasional merupakan salah satu usaha untuk mengembangkan keupayaan golongan pelajar berkeperluan khas dalam persediaan ke alam pekerjaan. Malah, melalui pendidikan vokasional, pelajar berkeperluan khas memperolehi kemahiran-kemahiran yang membolehkan mereka mendapat pekerjaan. Antara kemahiran vokasional yang diterapkan dikalangan pelajar berkeperluan khas, adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar mempelajari dan menguasai kemahiran hidup (Anizam et al., 2012). Oleh kerana pelajar berkeperluan khas juga mampu menjadi asset penting kepada Negara dan boleh menyumbang untuk pembangunan ekonomi, pihak KPM telah menyediakan program pendidikan vokasional kepada mereka. Program pendidikan vokasional dapat memberi peluang kepada pelajar berkeperluan khas untuk memperoleh ilmu dan latihan kemahiran yang berkaitan dengan pekerjaan kerana program ini dapat menyelesaikan masalah pengangguran di kalangan orang berkeperluan khas pada masa ini (Farhana, 2013). Menurut beliau lagi, masalah pengangguran boleh diatasi dengan menjadikan keusahawanan sebagai satu kerjaya dimana ini merupakan

satu peluang yang berpotensi untuk diterokai. Oleh itu, perlunya satu kajian dibuat untuk melihat tahap kecenderungan pelajar berkeperluan khas terhadap bidang keusahawanan.

Matlamat kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kecenderungan pelajar berkeperluan khas di Politeknik untuk menceburi bidang keusahawanan, serta faktor yang paling mempengaruhi tahap kecenderungan pelajar berkeperluan di Politeknik untuk menceburi bidang keusahawanan dan mengenalpasti perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor demografi.

2. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan (survey research) iaitu kajian deskriptif. Menurut Mohd Najib(1999), kajian deskriptif digunakan untuk menjelaskan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, dimana satu tinjauan dan soal selidik dijalankan bagi mengenalpasti tahap kecenderungan pelajar berkeperluan khas di Politeknik dalam bidang keusahawanan. Dalam kajian ini, data diperolehi melalui kaedah soal selidik sahaja. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan data kerana ia boleh mengukur persepsi, sikap, minat dan pandangan seseorang responden terhadap sesuatu peristiwa (Majid Konting, 2000). Dalam kajian ini, soal selidik dilakukan keatas pelajar berkeperluan khas di Politeknik Malaysia.

2.1 *Populasi dan sampel.*

Dalam kajian ini, populasi terdiri dari pelajar berkeperluan khas di Politeknik Malaysia. Manakala sampel kajian ini adalah merupakan pelajar berkeperluan khas yang mengalami masalah pendengaran, kurang upaya fizikal, dan masalah pembelajaran yang menuntut di tiga buah Politeknik Malaysia iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), dan Politeknik Kota Kinabalu (PKK). Di mana seramai 91 orang pelajar perempuan dan seramai 67 orang pelajar lelaki yang mengalami masalah pendengaran, kurang upaya fizikal, dan masalah pembelajaran jumlah populasi dalam kajian ini adalah seramai 246 orang pelajar berkeperluan khas pendengaran, kurang upaya fizikal, dan masalah pembelajaran di Politeknik Malaysia. Pemilihan responden ditentukan dengan menggunakan persampelan rawak bertujuan dengan mengenal pasti ciri-ciri responden yang dikaji. Maka seramai 100 orang responden telah dipilih secara rawak bertujuan yang merupakan pelajar berkeperluan khas pendengaran, kurang upaya fizikal, dan masalah pembelajaran sebagai responden yang merupakan sampel kajian ini. Namun begitu, hanya 90 orang yang berjaya dikumpulkan.

2.2 *Instrumen kajian*

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik (questionnaire). Skala Likert digunakan dalam menjawab soal selidik dengan menggunakan lima skala pengukuran iaitu Sangat setuju, Setuju, Kurang setuju, Tidak setuju dan Sangat tidak setuju. Instrumen yang dibina dalam kajian ini diadaptasi daripada kajian yang dijalankan oleh Puspawati (2003), kerana soalan yang dikemukakan oleh Puspawati memenuhi kriterian yang diperlukan dalam kajian ini. Namun begitu terdapat penambahan item yang dilakukan oleh pengkaji bagi mencapai objektif kajian dengan merujuk kepada Teori Tingkahlaku Terancang Azjen (1991). Di dalam kajian ini, kajian rintis hanya dilakukan kepada lapan orang (8) orang pelajar berkeperluan khas di Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah (PSA) yang terdiri daripada lima (5) orang pelajar perempuan dan tiga (3) orang pelajar lelaki. Ini kerana, menurut Mohamad Najib (1999), saiz sampel kajian rintis tidak perlu besar tetapi memadai untuk memenuhi tujuan perbincangan awal yang berkesan tentang ujian iaitu sekitar enam (6) ke sembilan (9) orang sahaja. Pemilihan ini dibuat bagi memastikan sampel mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji. Kajian rintis ini dilakukan sebelum kajian sebenar dijalankan.

2.3 *Analisis data*

Dalam kajian ini, analisis data dibuat dengan menggunakan jenis pengujian statistik deskriptif. Statistik deskriptif merupakan statistik yang digunakan untuk menguraikan ciri-ciri variable (Chua, 2006). Bagi mengenalpasti tahap dan faktor yang mempengaruhi tahap kecenderungan pelajar berkeperluan khas di Politeknik untuk menceburi bidang keusahawanan, analisis data skor min digunakan. Manakala bagi mengenalpasti perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor jantina dan bangsa, analisis ujian T digunakan. Bagi mengenalpasti tahap perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor jenis kursus yang diikuti, analisis data ANOVA sehala digunakan.

3. Keputusan

Dalam kajian ini, seramai 90 orang pelajar berkeperluan khas di Politeknik Malaysia telah dipilih sebagai responden kajian. Analisis demografi responden dapat mempengaruhi hasil dapatan kajian yang telah dijalankan. Maklumat latar belakang responden ini telah dianalisis berdasarkan nilai frekuensi, dan peratusan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 dibawah.

Jadual 3.1: Bilangan Responden Mengikut Jantina

| Jantina | Frekuensi | Peratus (%) |
|-----------|-----------|-------------|
| Lelaki | 42 | 46.7 |
| Perempuan | 48 | 53.3 |
| Jumlah | 90 | 100 |

Melalui kajian yang dijalankan, penyelidik mendapati bahawa 42 orang responden adalah pelajar lelaki, manakala 48 orang responden adalah merupakan pelajar perempuan. Manakala, terdapat dua (2) jenis bangsa yang terlibat sebagai responden kajian ini. Majoriti responden yang terlibat adalah terdiri daripada pelajar berbangsa Melayu iaitu seramai 55 orang (61.1%). Diikuti oleh bangsa Cina seramai 35 orang (38.9%). Didapati bahawa tiada responden yang terdiri daripada lain-lain bangsa terlibat dalam kajian ini, ini kerana maklumat pelajar yang diperolehi dari Jabatan Pengajian Politeknik, mendapati tiada pelajar berkeperluan khas yang terdiri daripada pelajar lain-lain bangsa seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2 dibawah.

Jadual 3.2: Bilangan Responden Mengikut Bangsa

| Bangsa | Frekuensi | Peratusan (%) |
|--------|-----------|---------------|
| Melayu | 55 | 61.1 |
| Cina | 35 | 38.9 |
| Jumlah | 90 | 100 |

Menurut Jabatan Politeknik Malaysia, terdapat sembilan jenis kursus yang ditawarkan kepada pelajar berkeperluan khas. Namun, dalam kajian ini hanya tiga (3) jenis kursus yang sedang diikuti oleh responden seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.3. Di mana, kajian ini hanya menjadikan pelajar yang mengambil Sijil Kemahiran Khas Politeknik sebagai Populasi dan sampel. Hasil analisis mendapati, seramai 35 orang responden sedang mengikuti kursus Sijil Rekabentuk Grafik, 36 orang responden yang sedang mengikuti Sijil Hotel Katering dan 19 orang responden yang sedang mengikuti kursus Sijil Rekaan Fesyen dan Pakaian.

Jadual 3.3: Jenis-jenis kursus yang diikuti oleh responden

| Jenis Kursus yang diikuti | Bilangan Pelajar | Peratus |
|-----------------------------------------------------------|------------------|---------|
| Sijil Kemahiran Khas Politeknik (Rekabentuk Grafik) | 35 | 38.9 |
| Sijil Kemahiran Khas Politeknik (Hotel & Katering) | 36 | 40.0 |
| Sijil Kemahiran Khas Politeknik (Rekaan Fesyen & Pakaian) | 19 | 21.1 |
| Jumlah | 90 | 100 |

Bagi mengenalpasti tahap kecenderungan pelajar berkeperluan khas di Politeknik untuk menceburi bidang keusahawanan, Data bagi konstruk kecenderungan keusahawanan dianalisis secara keseluruhan dengan melibatkan sembilan item. Untuk menjawab persoalan kajian ini, item yang terlibat analisis bagi mendapatkan nilai Skor Min (Mean Score). Hasil dapatan dipersembahkan dalam Jadual 3.4 dibawah:-

Jadual 3.4: Skor Min Kecenderungan Keusahawanan

| Konstruk | Skor Min | Tahap Interpretasi |
|----------------------------|----------|--------------------|
| Kecenderungan Keusahawanan | 4.033 | Tinggi |

Berdasarkan Jadual 3.4, didapati bahawa kesemua item memperolehi skor min yang melebihi nilai 3.50 iaitu 4.033 dan tahap interpretasi terhadap item juga tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa nilai Min Skor tahap kecenderungan keusahawanan berkeperluan khas di Politeknik untuk menceburi keusahawanan adalah tinggi. Analisis juga dilakukan pada setiap elemen konstruk di mana semua dapatan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.5 dibawah.

Jadual 3.5: Keputusan Analisis Skor Min Tahap Kecenderungan Keusahawanan

| Item | Soalan | Skor Min | Tahap Interpretasi |
|--------|-------------------------------------------------------|----------|--------------------|
| Item 1 | Saya suka berniaga. | 3.83 | Tinggi |
| Item 2 | Saya suka ada kedai sendiri. | 3.93 | Tinggi |
| Item 3 | Saya suka berjaya sebagai seorang peniaga. | 3.88 | Tinggi |
| Item 4 | Saya suka membantu menyara keluarga. | 4.48 | Tinggi |
| Item 5 | Saya suka mencapai cita-cita menjadi peniaga. | 4.04 | Tinggi |
| Item 6 | Saya suka meningkatkan taraf hidup keluarga. | 4.32 | Tinggi |
| Item 7 | Saya suka berbincang tentang isu-isu perniagaan. | 3.99 | Tinggi |
| Item 8 | Saya suka melakukan sesuatu yang menguntungkan. | 3.96 | Tinggi |
| Item 9 | Saya suka program yang berkaitan dengan keusahawanan. | 3.87 | Tinggi |

Berdasarkan Jadual 3.5 diatas, didapati bahawa terdapat kesemua item yang diuji mempunyai nilai skor min yang tinggi diantara 3.83 ke 4.48. Manakala item yang mempunyai nilai skor min yang paling tinggi adalah item keempat. Di mana nilai skor min adalah 4.48 dan item yang mempunyai nilai min skor yang rendah adalah item yang pertama iaitu 3.83. Kesimpulannya, didapati bahawa tiada sebarang item yang memperoleh nilai skor min di bawah nilai 2.4 iaitu skor min rendah. Hasil analisis mendapati bahawa secara keseluruhan menunjukkan interpretasi tahap kecenderungan keusahawanan berkeperluan khas di Politeknik untuk menceburi keusahawanan adalah tinggi. Ini bermakna pelajar berkeperluan cenderung untuk menjadi seorang usahawan apabila tamat pengajian di Politeknik.

Kajian ini juga dijalankan bagi mengenalpasti faktor yang paling mempengaruhi tahap kecenderungan pelajar berkeperluan khas di Politeknik untuk menceburi bidang keusahawanan. Hasil analisis terhadap ketiga-tiga faktor yang mempengaruhi tahap kecenderungan pelajar berkeperluan khas di Politeknik untuk menceburi bidang keusahawanan iaitu faktor motivasi, faktor ciri-ciri keusahawanan dan faktor tahap pengetahuan seperti yang dipersembahkan dalam Jadual 3.6 dibawah:-

Jadual 3.6: Skor Min faktor yang mempengaruhi tahap kecenderungan keusahawanan

| Konstruk | Skor Min | Tahap |
|--------------------------|----------|-----------|
| Motivasi Keusahawanan | 3.94 | Tinggi |
| Ciri-ciri Keusahawanan | 4.17 | Tinggi |
| Pengetahuan Keusahawanan | 3.75 | Sederhana |

Hasil analisis yang dilakukan seperti Jadual 3.6 diatas, menunjukkan bahawa ciri-ciri keusahawanan mempunyai nilai skor min yang tinggi iaitu 4.12, diikuti oleh motivasi keusahawanan iaitu 3.92. Manakala, pengetahuan keusahawanan mempunyai nilai skor min yang sederhana iaitu 3.69. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri keusahawanan yang ada dalam diri pelajar menjadi faktor yang paling mempengaruhi tahap kecenderungan pelajar berkeperluan khas di Politeknik untuk menceburi bidang keusahawanan.

Analisis ujian-T digunakan untuk menentukan adakah terdapat perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor jantina. Perbezaan ditentukan melalui nilai perbezaan di antara min skor dua kumpulan iaitu lelaki dan perempuan dengan min skor bagi keseluruhan item tahap kecenderungan. Jadual 3.7 menunjukkan keputusan yang diperoleh daripada independent T-Test.

Jadual 3.7: Independent T-test Faktor Jantina

| | | Levene's Test for Equality of Variances | | T-test for Equality of Means | | | |
|-----------------------------------------|-------------------------|-----------------------------------------|-------|------------------------------|--------|-----------------|-----------------|
| | | F | Sig. | t | df | Sig. (2 tailed) | Mean Difference |
| Tahap Kecenderungan Keusahawanan | Equal variances assumed | 0.05 | 0.946 | 2.080 | 88 | 0.040 | 0.2262 |
| | Equal variances not | | | 2.080 | 86.337 | 0.041 | 0.2262 |

assumed

Berdasarkan daripada jadual ujian-t di atas, keputusan kajian adalah terdapat perbezaan yang signifikan ($t = 2.080$, $df = 88$, $p < 0.05$), kerana nilai signifikan adalah kurang daripada 0.05 ($p < 0.05$) iaitu 0.040. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor jantina. Merujuk kepada jadual 3.8 Skor min tahap perbezaan kecenderungan keusahawanan pelajar berdasarkan jantina dibawah, pelajar perempuan mempunyai skor min yang lebih tinggi iaitu 4.139, berbanding pelajar lelaki iaitu 3.913. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pelajar perempuan lebih tahap kecenderungan yang lebih tinggi untuk menjadi usahawan berbanding pelajar lelaki.

Jadual 3.8: Skor min tahap kecenderungan keusahawanan berdasarkan jantina

| | | N | Min Skor |
|-----------------------------------------|-----------|----|----------|
| Tahap Kecenderungan Keusahawanan | Perempuan | 48 | 4.139 |
| | Lelaki | 42 | 3.913 |

Analisis ujian-T digunakan untuk menentukan adakah terdapat perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor bangsa. Perbezaan ditentukan melalui nilai perbezaan di antara min skor dua kumpulan iaitu Melayu dan Cina dengan min skor bagi keseluruhan item tahap kecenderungan. Jadual 3.9 menunjukkan keputusan yang diperoleh daripada independent T-Test.

Jadual 3.9: Independent T-test faktor bangsa

| | | Levene's Test for Equality of Variances | | T-test for Equality of Means | | | |
|-----------------------------------------|-----------------------------|-----------------------------------------|-------|------------------------------|--------|-----------------|-----------------|
| | | F | Sig. | t | df | Sig. (2 tailed) | Mean Difference |
| Tahap Kecenderungan Keusahawanan | Equal variances assumed | 0.340 | 0.561 | -0.939 | 88 | 0.350 | -0.0106 |
| | Equal variances not assumed | | | -0.914 | 66.147 | 0.364 | -0.0106 |

Berdasarkan daripada jadual ujian-t di atas, keputusan kajian adalah tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($t = -0.939$, $df = 88$, $p > 0.05$), kerana nilai signifikan adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$) iaitu 0.350. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor bangsa.

Bagi mengenalpasti perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor jenis kursus yang diikuti. Oleh kerana kursus yang diikuti mempunyai lebih daripada 2 kumpulan, analisis ANOVA digunakan bagi membandingkan nilai min bagi tiga kumpulan sampel. Ini adalah bertujuan untuk menentukan samada terdapat perbezaan yang signifikan mahupun tidak. Jadual 3.10 menunjukan hasil dapatan daripada analisis ANOVA.

Jadual 3.10: Analisis ANOVA faktor jenis kursus yang diikuti

| | Sum of Squares | df | Mean Square | F | Sig. |
|---------------|----------------|----|-------------|-------|-------|
| Between Group | 2.476 | 2 | 1.238 | 4.901 | 0.010 |
| Within Group | 21.979 | 87 | 0.253 | | |
| Total | 24.456 | 89 | | | |

Merujuk kepada Jadual 3.10 analisis Anova, nilai signifikan, Nilai p adalah 0.010, di mana nilai ini lebih kecil daripada nilai alpha 0.05. Maka keputusan analisis ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor jenis kursus yang diikuti. Skor min tahap perbezaan kecenderungan keusahawanan pelajar berdasarkan jenis kursus yang diikuti ditunjukkan dalam Jadual 3.11 dibawah.

Jadual 3.11: Skor Min tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor jenis kursus yang diikuti.

| Jenis Kursus | N | Skor Min |
|-------------------------------|----|----------|
| Sijil Rekabentuk Grafik | 35 | 3.825 |
| Sijil Hotel & Katering | 36 | 4.167 |
| Sijil Rekaan Fesyen & Pakaian | 19 | 4.164 |

Berdasarkan jadual diatas, kursus Sijil Hotel dan Katering mempunyai nilai min skor yang paling tinggi 4.167, diikuti oleh Sijil Rekaan Fesyen dan Pakaian iaitu 4.164 dan yang terakhir adalah Sijil Rekabentuk dan Grafik iaitu 3.825.

4. Dapatan dan perbincangan

Di dapati bahawa, bilangan jantina dalam kajian ini adalah tidak seimbang. Namun begitu, menurut Sekaran (2000) adalah memadai untuk menjalankan kajian sekiranya setiap kategori melebihi 30% daripada bilangan responden yang terlibat. Seterusnya, terdapat dua (2) jenis bangsa yang terlibat sebagai responden. Majoriti responden yang terlibat adalah terdiri daripada pelajar berbangsa Melayu iaitu seramai 55 orang. Diikuti oleh bangsa Cina seramai 35 orang. Didapati bahawa tiada responden yang terdiri daripada lain-lain bangsa terlibat dalam kajian ini, ini kerana maklumat pelajar yang diperolehi dari Jabatan Pengajian Politeknik mendapati tiada pelajar berkeperluan khas yang terdiri daripada pelajar lain-lain bangsa. Namun bagi bangsa India, bilangan responden adalah terlalu kecil dan tidak sesuai untuk dijadikan sampel dalam kajian ini. Menurut kajian yang dijalankan oleh Lee Abdullah (2003), dalam sesuatu kajian adalah penting hubungan kaum di kalangan responden dirujuk kepada interaksi sosial individu di kampus, kerana interaksi sosial ialah satu proses yang melibatkan perhubungan antara dua tau lebih individu atau kelompok.

Menurut Jabatan Politeknik Malaysia, terdapat sembilan jenis kursus yang ditawarkan kepada pelajar berkeperluan khas. Namun, dalam kajian ini hanya tiga (3) jenis kursus yang sedang diikuti oleh responden. Di mana, kajian ini hanya menjadikan pelajar yang mengambil Sijil Kemahiran Khas Politeknik sebagai Populasi dan sampel. Hasil analisis mendapati, seramai 35 orang responden sedang mengikuti kursus Sijil Rekabentuk Grafik, 36 orang responden yang sedang mengikuti Sijil Hotel Katering dan 19 orang responden yang sedang mengikuti kursus Sijil Rekaan Fesyen dan Pakaian. Dalam kajian ini, maklumat kursus pengajian adalah penting bagi membantu pengkaji untuk mengetahui latar belakang bidang pengajian responden. Pendedahan dalam sesuatu bidang membolehkan seseorang itu mendapat maklumat, pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan di mana ianya berkemungkinan mendorong individu itu untuk menceburi bidang berkenaan. Pendedahan dalam sesuatu bidang membolehkan seseorang itu mendapat maklumat, pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan di mana ianya berkemungkinan mendorong individu itu untuk menceburi bidang berkenaan. Hal ini disokong oleh Shane (2003) dalam kajian yang dilakukan mendapati bahawa seseorang itu akan lebih menggunakan sesuatu peluang sekiranya dia mendapat pendidikan yang secukupnya. Hal ini adalah kerana maklumat dan kemahiran yang diperolehi melalui pendidikan tersebut akan meningkatkan lagi pulangan daripada peluang yang diceburi itu.

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenalpasti tahap kecenderungan pelajar berkeperluan khas di Politeknik untuk menceburi bidang keusahawaan. Hal ini kerana, kecenderungan itu dianggap sebagai faktor motivasi yang mempengaruhi kelakuan, di mana ia menunjukkan bagaimana seseorang itu bersedia untuk mencuba berdasarkan usaha mereka dalam merealisasikan sesuatu tingkah laku itu. Ia juga menerangkan dan meramalkan bagaimana persekitaran budaya dan sosial memberi kesan kepada kelakuan manusia. Azjen (1991) telah mengaitkan kecenderungan individu sebagai faktor motivasi yang mempengaruhi kelakuan, di mana sebarang keputusan itu bergantung kepada tiga elemen utama iaitu sikap terhadap kelakuan (nilai peribadi) yang merujuk kepada tahap sokongan terhadap sesuatu kelakuan; norma subjektif (tekanan sosial yang dirasi sama ada akan melakukan sesuatu atau tidak) dan tanggapan kawanlan tingkah laku iaitu dengan melihat sejauh mana individu itu berupaya untuk mengawal tingkah laku.

Kecenderungan keusahawanan dikaji kerana kecenderungan motivasi dan tekad mempunyai impak yang penting dalam mempengaruhi keputusan seseorang itu untuk menjadi usahawan. Kecenderungan keusahawan digambarkan sebagai faktor motivasi yang mempengaruhi individu untuk meneruskan sesuatu usaha keusahawanan (Hisrich et al, 2008). Hasil analisis kajian ini, mendapati bahawa secara keseluruhan menunjukkan interpretasi tahap kecenderungan keusahawanan berkeperluan khas di Politeknik untuk menceburi keusahawanan adalah tinggi.

Didapati bahawa kesemua item yang diuji mempunyai nilai skor min yang tinggi diantara 3.83 ke 4.48. Manakala item yang mempunyai nilai skor min yang paling tinggi adalah item keempat. Di mana nilai skor min yang tinggi adalah 4.48 iaitu item “ saya suka membantu menyara keluarga”. Hal ini kerana, pelajar

mempunyai motivasi yang tinggi untuk menceburi bidang keusahawanan kerana ingin meningkatkan taraf hidup keluarga. Ini menunjukkan, bahawa mereka yakin bidang keusahawanan boleh membantu dan memberi keuntungan kepada mereka. Ini bermakna pelajar berkeperluan cenderung untuk menjadi seorang usahawan apabila tamat pengajian di Politeknik.

Terdapat tiga faktor yang mempengaruhi tahap kecenderungan pelajar berkeperluan khas di Politeknik untuk menceburi bidang keusahawanan. Antaranya adalah motivasi keusahawanan, ciri-ciri keusahawanan dan pengetahuan keusahawanan yang dinyatakan oleh (Hisrich et al, 2008). Terdapat 13 item yang berkaitan dengan faktor motivasi keusahawanan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan, 21 item yang berkaitan dan berkisarkan mengenai ciri-ciri keusahawanan pelajar, manakala terdapat 9 item dalam bahagian ini yang berkaitan dengan faktor ketiga iaitu faktor pengetahuan keusahawanan.

Hasil analisis yang dilakukan, menunjukkan bahawa ciri-ciri keusahawanan mempunyai nilai skor min yang tinggi iaitu 4.12, diikuti oleh motivasi keusahawanan iaitu 3.92. Manakala, pengetahuan keusahawanan mempunyai nilai skor min yang sederhana iaitu 3.69. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri keusahawanan yang ada dalam diri pelajar menjadi faktor yang paling mempengaruhi tahap kecenderungan pelajar berkeperluan khas di Politeknik untuk menceburi bidang keusahawanan. Hal ini kerana, ramai pengkaji menyarankan bahawa seorang usahawan perlu mempunyai ciri-ciri asas untuk menjadi usahawan untuk berjaya (Ramin et.al, 2007).

Antara ciri-ciri penting yang perlu ada pada diri seorang usahawan adalah sifat berdikari, yakin diri, mencari maklum balas, desakan supaya berjaya dan kerja secara berpasukan. Ciri-ciri ini bukanlah sesuatu yang diwarisi semenjak seseorang itu dilahirkan tetapi ia dapat dipelajari dan dibangunkan. Hal ini disokong oleh Kamsah & Zakaria (2008) yang menyatakan bahawa seseorang usahawan tidak dilahirkan secara semula jadi. Kerana seorang usahawan boleh dibentuk, dimotivasikan dan ditanam minat untuk memulakan perniagaan. Setiap individu mempunyai potensi tertentu yang boleh dikenalpasti, dicungkil dan dikembangkan melalui program latihan hingga menjadi seorang usahawan.

Hasil dapatan analisis Ujian T mendapati, bahawa terdapat perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor jantina. pelajar perempuan mempunyai skor min yang lebih tinggi iaitu 4.139, berbanding pelajar lelaki iaitu 3.913. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pelajar perempuan mempunyai tahap kecenderungan yang lebih tinggi untuk menjadi usahawan berbanding pelajar lelaki. Hasil kajian ini disokong oleh Azira dan Nazrun (2012), dengan menyatakan bahawa ramai pelajar perempuan berminat untuk menceburi bidang keusahawanan berbanding dengan pelajar lelaki.

Kajian Suaibah et al., (2007) menyatakan, wanita pada hari ini telah mempamerkan kebolehan, keupayaan dan kemampuan dalam bidng masing-masing bagi menunjukkan bahawa kedudukan dan kemampuan wanita telah setanding dengan kaum lelaki. Menurut Rosli Hassan, industri perkhidmatan kewangan menunjukkan pembabitan wanita dalam sektor tersebut cukup membanggakan (Harian Metro, 2003). Selain itu, penglibatan wanita dalam perniagaan juga menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Beberapa tahun kebelakangan ini, bilangan wanita yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan menunjukkan peningkatan yang amat menggalakkan (Suruhanjaya Syarikat, 2001).

Analisis ujian-T digunakan untuk menentukan adakah terdapat perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor bangsa. Perbezaan ditentukan melalui nilai perbezaan di antara min skor dua kumpulan iaitu Melayu dan Cina dengan min skor bagi keseluruhan item tahap kecenderungan. Berdasarkan ujian T, keputusan kajian adalah tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($t = -0.939$, $df = 88$, $p > 0.05$), kerana nilai signifikan adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$) iaitu 0.350. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor bangsa.

Hal ini disokong oleh Md Mohar et al. (2001), yang mendapati bahawa bangsa tidak mempengaruhi seseorang untuk menjadi usahawan. Namun begitu, kajian mereka menyatakan pertalian kekeluargaan memberi pengaruh yang besar kepada kecenderungan individu untuk menjadi usahawan. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa usahawan yang berjaya dari bangsa Cina dan juga bangsa Melayu telah memberikan markah (penilaian) yang tinggi berkenaan aspek psikologi seperti pencapaian dan kecenderungan mengambil risiko.

analisis ANOVA telah digunakan bagi menentukan adakah terdapat perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor jenis kursus yang diikuti oleh responden mempunyai lebih daripada 2 kumpulan. Analisis ANOVA digunakan untuk membandingkan nilai min bagi tiga kumpulan sampel. Ini adalah bertujuan untuk menentukan samada terdapat perbezaan yang signifikan mahupun tidak. Daripada analisis yang dijalankan menunjukkan nilai P adalah 0.010, di mana nilai ini lebih kecil daripada nilai alpha 0.05.

Keputusan analisis ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor jenis kursus yang diikuti. Di mana, kursus Sijil Hotel dan Katering mempunyai nilai min skor yang paling tinggi 4.167, diikuti oleh Sijil Rekaan Fesyen dan Pakaian iaitu 4.164 dan yang terakhir adalah Sijil Rekabentuk dan Grafik iaitu 3.825. Namun begitu, berdasarkan nilai skor min

perbezaan tidak terlalu jauh diantara ketiga-tiga kursus yang diikuti responden. Ini kerana, Politeknik menerapkan segala kemahiran yang diperlukan untuk pelajar memenuhi keperluan pasaran pekerjaan.

Kemahiran penting sebagai asas kepada segala aktiviti pekerjaan yang ingin dilakukan. Usahawan perlu memiliki tahap kemahiran yang tinggi bagi memastikan perjalanan perniagaan terurus dengan sempurna. Di samping itu, tahap kemahiran seseorang usahawan itu juga dapat menentukan samada usahawan itu memahami bidang yang diceburinya atau sebaliknya. Malah, kemahiran yang ada turut berperanan menjadikan seseorang usahawan itu berfikir positif dalam sesuatu usaha perniagaan yang dijalankan (Mohamed, 1996).

5. Kesimpulan

Berkaitan dengan dapatan kajian perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor jantina, terdapat perbezaan tahap kecenderungan yang signifikan untuk menjadi usahawan berdasarkan faktor jantina. Di mana pelajar perempuan mempunyai skor min yang lebih tinggi iaitu 4.139, berbanding pelajar lelaki iaitu 3.913. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pelajar perempuan lebih tahap kecenderungan yang lebih tinggi untuk menjadi usahawan berbanding pelajar lelaki. Namun begitu, tidak terdapat perbezaan tahap kecenderungan yang signifikan untuk menjadi usahawan berdasarkan faktor bangsa kerana hasil analisis ujian T mendapati bahawa, nilai signifikan adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$) iaitu 0.350. Analisis Anova mendapati bahawa, Nilai p adalah 0.010, di mana nilai ini lebih besar daripada nilai alpha 0.05. Maka keputusan analisis ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kecenderungan menjadi usahawan berdasarkan faktor jenis kursus yang diikuti. Berdasarkan hasil dapatan kajian, setelah dianalisis, dibincang dan dibuat kesimpulan, penyelidik ingin mengemukakan beberapa cadangan yang boleh membantu pihak-pihak yang berkenaan untuk meningkatkan lagi tahap kecenderungan pelajar berkeperluan khas di Politeknik untuk menceburi bidang keusahawanan dan memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya masa depan. Antara cadangan kajian yang boleh dilakukan adalah Jabatan Pengajian Politeknik dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia perlu memperkenalkan subjek keusahawanan dan pendidikan keusahawanan kepada pelajar berkeperluan khas. Tujuannya untuk memberi peluang kepada pelajar berkeperluan khas ini untuk belajar secara formal berkenaan dengan pengetahuan keusahawanan dan pihak Politeknik perlu menyediakan kursus atau seminar berkenaan dengan pendidikan keusahawanan supaya pelajar berkeperluan khas yang berminat untuk menjadi usahawan dapat dicungkil dan diberikan bimbingan dengan baik dan memberi peluang kepada mereka menunjukkan bakat dalam perniagaan.

Rujukan

- Abdullah, A. B. (2010). *Pencapaian Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya*. Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Abdullah, A. H. (2012). *Persepsi golongan Orang Kurang Upaya mengenai Program Latihan Vokasional yang dijalankan di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi, Selangor Darul Ehsan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational behavior and human decision processes*, 50(2), 179-211.
- Allen, K. R., & Meyer, C. (2005). *Entrepreneurship and Small Business Management, Student Edition*: McGraw-Hill Education.
- Anizam Mohamed Yusof, M. M. A., Amla Mohd Salleh. (2012). *Penerapan Kemahiran Keboleherjaan Dalam Kalangan Pelajar Berkeperluan Khas*. Dibentangkan di Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012.
- Ariffin, S. (2002). *Keusahawanan : rahsia ke puncak kejayaan*. Selangor: Prentice Hall / Pearson.
- Ariffin, Z. (2006). *Kerjaya untuk orang kurang upaya*: PTS Professional.
- Ayob, A. M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi* (3 ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayob, M. I. (2007). *Kecenderungan pelajar tahun akhir Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Batu Pahat untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Bardai, B. (2000). *Keusahawanan dan perniagaan*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bari, S., Amat, S., & Buang, N. A. (2000). *Halangan dan masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar berkeperluan khas dalam latihan kemahiran teknik dan vokasional*. Dibentangkan di Prosiding Seminar Kebangsaan Kepelbagaian Pelajar: Cabaran dan Strategi Pengajaran.
- Brostrand, H. L. (2006). Tilting at windmills: Changing attitudes toward people with disabilities. *Journal of rehabilitation*, 72(1).
- Buang, N. A. (2002). *Asas Keusahawanan*: Fajar Bakti.

- Celsi, M. W., Money, A. H., Samouel, P., & Page, M. J. (2011). *Essentials of business research methods*: ME Sharpe.
- Chua, Y. P. (2006). *Research Methods*. Shah Alam, Malaysia: McGraw-Hill Education.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (Ed.) (2007) Kamus Dewan (Bil. 4). Kuala Lumpur.
- Din, M. S., Hee, H. C., Hashim, N., & Keat, O. Y. (2005). *Asas Keusahawanan*. Singapore: Thomson Learning.
- Esa, A., Md Yunos, J., & Kaprawi, N. (2005). Kebolehpercayaan inventori kemahiran generik. *Jurnal Sains Sosial*, 3(1), 41-57.
- Fazlinda, A. H. (2013). *Kemahiran kebolehgajian, estim sendiri dan efikasi sendiri pelajar teknikal dan vokasional yang bermasalah pendengaran di Politeknik dan Kolej Komuniti, Malaysia*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Sarjana.
- Ghafar, A., & Najib, M. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Harun, H., Ngerong, U., & Ibrahim, H. (2010). Kerusi Roda Dan Kelajuan Menggerakkan Kerusi Ke Atas Pelbagai Kecerdasan Laluan Khas. *Kerusi Roda Dan Kelajuan Menggerakkan Kerusi Ke Atas Pelbagai Kecerdasan Laluan Khas*, 1-9.
- Harun, S. (1992). *Peningkatan Penyertaan Bumiputera dalam Perdagangan dan Perindustrian*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim, O. M. (1991). *Pengisian misi pendidikan*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hisrich, R. D., Peters, M. P., & Shepherd, D. A. (2013). *Entrepreneurship*: McGraw-Hill Education.
- Hynes, B. (1996). Entrepreneurship education and training-introducing entrepreneurship into non-business disciplines. *Journal of European Industrial Training*, 20(8), 10-17.
- Ismail, A. (2005). *Kecenderungan Pelajar Semester Akhir Diploma Kejuruteraan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dalam Menceburi Bidang Keusahawanan*. KUiTTHO: Tesis Sarjana.
- Ismail, S., & Norshahril. (2012). *Halangan Orang Kurang Upaya (Pendengaran) di Malaysia mendapat pekerjaan*. Dibentangkan di Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2013.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2007). *Rekod Pendaftaran JKMM*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.
- Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. (2008). *Statistik Pekerjaan*. Putrajaya: Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.
- Kamsah, M. F., & Zakaria, M. (2008). *Langkah bijak usahawan terbilang*: Telaga Biru.
- Kamsah, M. Z., Abu, M. S., & Razzaly, W. (2008). *Penerapan kemahiran insaniah (KI) kepada pelajar dalam aktiviti pengajaran & pembelajaran di IPTA*. Dibentangkan di Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS) 2008, Melaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1997). *Peraturan-peraturan pendidikan (Pendidikan Khas)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khalil, K. (2003). *Keusahawanan sebagai kerjaya*: Dewan Bahasa dan Bahasa.
- Khor, H. (2002). Employment of persons with disabilities in Malaysia. *Economic Briefing to The Penang State Government*.
- Kolvereid, L., & Moen, Ø. (1997). Entrepreneurship among business graduates: does a major in entrepreneurship make a difference? *Journal of European Industrial Training*, 21(4), 154-160.
- Konting, M. M. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (4 ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Konting, M. M. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (5 ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krajewski, J., & Callahan, J. (1998). Service-Learning: A Strategy for Vocational Training of Young Adults with Special Needs. *Journal for Vocational Special Needs Education*, 21(1), 34-38.
- Krueger Jr, N. F., Reilly, M. D., & Carsrud, A. L. (2000). Competing models of entrepreneurial intentions. *Journal of business venturing*, 15(5), 411-432.
- Kuratko, D. F., & Hodgetts, R. M. (2001). *Entrepreneurship: A Contemporary Approach*: Harcourt College Publishers.
- Livneh, R. F. A., Hanoch. (2000). Measurement of attitudes towards persons with disabilities. *Disability & Rehabilitation*, 22(5), 211-224.
- Longoria, L., & Marini, I. (2006). Perceptions of Children's Attitudes towards Peers with a Severe Physical Disability. *Journal of rehabilitation*, 72(3).
- Makhbul, Z. M., & Hasun, F. M. (2003). *Menjadi usahawan : panduan menubuhkan dan menguruskan perusahaan secara profesional*. Pahang: PTS Publications & Distributors.
- Malaysia. (2008). *Persons with disabilities act 2008 (Act 685)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.
- Masitah Hayati, M. I., & Suhaida, A. K. (2013). *Perbandingan Kemahiran Vokasional diperlukan Pelajar Pendidikan Khas Integrasi Sekolah Menengah Harian Biasa dengan Sekolah Menengah Vokasional*

- Pendidikan Khas*. Dibentangkan di Proceedings of the Graduate Research in Education Seminar GREduc, Universiti Putra Malaysia.
- Mohamed Yusof, A., Mohd Ali, M., & Mohd Salleh, A. (2013). Pendidikan vokasional pelajar berkeperluan khas ke arah memenuhi pasaran pekerjaan.
- Mohammad, Z. (2007, Julai 2). Pelajar IPTA wajib ambil subjek keusahawanan. *Utusan Malaysia*.
- Musa, N., Salleh, S. S., & Abidin, S. Z. (2008). *Cyclic multi-tiers knowledge management model in RAINS*. Dibentangkan di Information Technology, 2008. ITSIm 2008. International Symposium.
- Othman, N. H., & Ishak, S. (2009). Attitude towards choosing a career in entrepreneurship amongst graduates. *European Journal of Social Sciences*, 10(3), 419-434.
- Parni, P. (2003). *Kecenderungan Pelajar Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia Dalam Menceburi Bidang Keusahawanan*. Universiti Tun Hussein onn: Tesis Sarjana.
- Pihie, L., Akmaliah, Z., Bakar, A., & Konting, M. M. (2001). Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia: Kesan Terhadap Aspirasi Keusahawanan Pelajar. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 10(1), 53-61.
- Pihie, Z. A. L., & Hassan, H. (2010). *Memperkasa tekad keusahawanan pelajar*: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ramly, R. (2008, Ogos 5). Bersama membangunkan modal insan OKU. *Bernama*.
- Rasit, N. A. M. (2011). *Harapan ibu bapa terhadap pendidikan, pekerjaan dan pengurusan kehidupan anak Autisme*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Reichardt, C. M. (2008). *Unseen Barriers Keep Persons with Disabilities from Seeking, Acquiring and Maintaining Meaningful Employment*: ProQuest.
- Rosli, S. M., & Ramli, H. (2006, Julai 23). Kokurikulum koperasi, kegiatan baru keusahawanan pelajar di sekolah. *Utusan Malaysia*.
- Saari, H., & Abd Muis, M. (2008). *Penyebaran maklumat dalam kempen pilihan raya umum ke-12: Strategi mendekati golongan orang kurang upaya*. UiTM Shah Alam: Pusat Penerbitan (UPENA).
- Salleh, N. M., Abdullah, K., & Buang, N. A. (2001). Job opportunities for special needs population in Malaysia. *Jurnal Pendidikan*, 27, 77-85.
- Sedlack, R. G., & Stanley, J. (1992). *Social research: Theory and methods*: Allyn & Bacon.
- Shane, S. A. (2003). *A general theory of entrepreneurship: The individual-opportunity nexus*: Edward Elgar Publishing.
- Suratman, A. S., Rosli, M., & Amin, M. F. (2010). Persepsi Pelajar Spi Terhadap Amalan Kemahiran Insaniah Dalam Pembelajaran. *Persepsi Pelajar Spi Terhadap Amalan Kemahiran Insaniah Dalam Pembelajaran*, 1-7.
- Tahir, L., & Mustafa, N. Q. (2010). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pendidikan Khas Teknik Dan Vokasional Untuk Golongan Orang Kurang Upaya Di Tiga Buah Politeknik. *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pendidikan Khas Teknik Dan Vokasional Untuk Golongan Orang Kurang Upaya Di Tiga Buah Politeknik*, 1-12.
- Tahir, L. M., Mustafa, N. Q., & Yassin, M. H. M. (2009). Pendidikan Teknik dan Vokasional Untuk Pelajar Berkeperluan Khas. *Journal of Educators & Education/Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24.
- Toran, H., Muhamad, T. A., Yasin, M. H. M., Tahar, M. M., & Hamzah, N. H. (2010). Pengetahuan dan sikap rakan sebaya terhadap pelajar kurang upaya di sebuah IPTA di Malaysia. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2(2), 22-34.
- Tuckman, B. W., & Harper, B. E. (2012). *Conducting educational research*: Rowman & Littlefield Publishers.
- Van Dalen, D. B., Malek, A. F. A., & Konting, M. M. (1993). *Memahami penyelidikan pendidikan: satu pengenalan*: Universiti Pertanian Malaysia.
- White, M. J., Jackson, V., & Gordon, P. (2006). Implicit and explicit attitudes toward athletes with disabilities. *Journal of rehabilitation*, 72(3).
- Yahaya, A. (2006). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: teori, analisis & interpretasi data*: PTS Professional.
- Yusof, A. A., & Hanafiah, M. H. (2003). *Prinsip keusahawanan*: Prentice Hall.
- Yusuff, A. (2008). Konflik Orang Pekak. *Dewan Bahasa*, April 2008, 10-12.